

TIGA TANDA ANDA SEORANG YANG KREATIF

Nor Adibah Hafit

Jabatan Teknoperniagaan

Fakulti Pengajian Teknokorporat

Hampir setiap hari manusia menggunakan idea dalam setiap aktiviti harian mereka. Baik diri anda ialah sebagai pelajar, pekerja, orang muda, orang tua, guru, juruterbang, usahawan hatta surirumah juga memerlukan idea untuk meneruskan aktiviti sehari-harinya. Namun kadangkala pencarian idea juga menemui jalan buntu akibat ketandusan idea. Apatah lagi, ia satu pencarian untuk idea kreatif yang baru dan segar. Sesiapa sahaja boleh menjana idea kreatif tetapi harus diketahui juga tidak semua orang dilahirkan dengan kebolehan ini. Terdapat beberapa falsafah yang antaranya dari Gowen (1979) menyokong pemikiran kreatif bersifat perkembangan. Iaitu setiap individu akan bertambah pemikiran kreatifnya seiring dengan usia yang semakin matang. Manakala Galton (1968) pula mempercayai seseorang mempunyai daya kreativiti adalah dari faktor genetik kelahiran individu tersebut.

Namun walau apa pun perspektif yang dibincang oleh para bijak pandai, adakah terfikir yang kemungkinan anda telah memiliki ciri seseorang yang kreatif? Disini penulis ingin berkongsi tentang tiga tanda kreatif yang mungkin terdapat dalam diri anda yang tidak pernah anda sedari.

Untuk yang pertama, jika anda sering berangan – angan maka jangan ragu-ragu untuk teruskan dengan aktiviti ini. Ini kerana hasil dari berangan – angan merupakan petanda minda anda sedang mengembara. Apabila ini berlaku, minda anda sedang mengalakkan kreativiti secara aktif. Ini dilihat dari khayalan dan angan-angan ini menyediakan ruangan untuk menyelongkar seluruh *input* yang terdapat dalam minda. Adakalanya khayalan berupa sesuatu yang tidak pasti, namun ia masih berguna dan relevan untuk individu dan organisasi. Selagi ia untuk kebaikan membina diri yang berwawasan dan untuk pembangunan di masa hadapan, tidak salah sekiranya berangan-angan ini diteruskan. Yang penting khayalan itu mestilah yang membina dan bersifat positif.

Seterusnya, sekiranya anda sangat gemarkan mengapresiasi keindahan, maka jangan anda abaikan ciri-ciri ini. Ini kerana petanda orang yang kreatif ialah orang yang sentiasa berorientasikan estetik (*aesthetic orientation*). Ini sejajar dengan kajian Aks dan Sprott (1996) iaitu mereka mencadangkan terdapat hubung kait antara kreativiti dan kecenderungan seseorang terhadap keindahan atau kecantikan. Dalam bahasa yang mudah, estetik melibatkan penilaian seluruh deria terhadap keindahan sesuatu benda dan ciptaan. Contoh yang ringkas adalah, anda

menghayati satu lukisan abstrak di galeri dan anda memuji keindahannya, manakala rakan-rakan anda mungkin tidak pasti apakah yang cuba disampaikan oleh pelukis tersebut. Ini bermaksud anda mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menilai karya seni. Dan seandainya anda mampu merasa dan bertindakbalas dengan keindahan ini, ini mempamerkan yang anda benar-benar mempunyai penghayatan yang mendalam dan berseni kreatif. Maka jangan sia-siakan petanda ini, malah lebih baik diperbanyakkan aktiviti ini untuk meningkatkan daya kreativiti anda.

Pernahkah anda merasa terdapat masa-masa tertentu anda bertindak untuk melanggar peraturan? Jika jawapannya ya, jangan rasa bersalah dengan tindakan ini. Ia mungkin kedengaran janggal kerana kita dididik supaya mendengar kata dan mengikut peraturan walaupun adakalanya peraturan yang dipatuhi itu tidak masuk akal. Bahkan, ada antaranya peraturan yang tidak pernah wujud sekalipun, kita masih takut untuk melanggarnya. Ini sama sekali pemikiran yang tidak berkembang. Kualiti seorang yang kreatif sering terdapat di antara orang sentiasa berani untuk keluar dari kebiasaan, menyoal banyak perkara dan membuat andaian yang diluar kotak pemikiran normal. Oleh itu boleh dikatakan disini, kreativiti itu mampu hadir apabila anda melanggar peraturan.

Akhir sekali, terdapat banyak lagi petanda kreatif yang boleh dibincangkan di dalam artikel ini. Namun apapun petanda yang anda miliki, seharusnya ia menjadi pendorong anda untuk terus menyelongkar potensi diri. Petanda- petanda yang mungkin anda miliki ini boleh ditambah baik lagi dengan aktiviti-aktiviti latihan mengasah minda kreatif. Terdapat banyak latihan dan pengajaran yang boleh dapati secara formal dan tidak formal. Salah satunya ialah pengajian kursus Teknik Berfikir Secara Kreatif dan Kritis dan juga kursus *Creative and Critical Thinking* di salah satu pusat pengajian swasta dipanggil Kolej Profesional Baitulmal. Di dalam kursus ini, individu akan dilatih menggunakan teknik berkesan dan menambah kemahiran yang sedia ada ke tahap yang lebih kreatif. Ini sudah pasti boleh mengembangkan lagi potensi diri seseorang. Semoga dengan adanya lebih banyak kursus seperti ini menjadi titik permulaan ke arah penghasilan individu yang lebih kreatif dan inovatif serta berdaya saing di pelbagai bidang.

Rujukan.

Gowen, J.C., (1979). *The Development of the Psychedelic Individual*. San Diego, CA. R.R Knapp.

Galton, F.,(1968) *Hereditary Genius: An inquiry into its laws and consequence*. London: Mac millan and Company.

Aks, D. J., & Sprott J. C. (1996) Quantifying aesthetic preference for chaotic patterns. *Empirical Studies of the Arts*, 14 (1), 1-16.

Chua Yan Piaw (2004). Creative and Critical Thinking Styles. UPM Press.